

PERBILANGAN ADAT PERPATIH: PENILAIAN DARI SEGI ETIK DAN ESTETIKA

Oleh

AZIZAH BINTI UJANG

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjanamuda Sastera Sastera dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Sesi 1983/84

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Pengenalan i – ii

BAB 1

1.1.	Pengertian Adat	1
1.2.	Sistem Adat Perpatih	2
1.2.1.	Sistem Nilai	2
1.2.2.	Sistem Kekeluargaan	8
1.2.3.	Sistem Politik	16

BAB 2

2.1	Sistem Pusaka	18
2.1.1	Pusaka Sendiri (Pusaka pakaian diri sendiri)	18
2.1.2	Harta Carian	18
2.1.3	Harta Pembawa	19
2.1.4	Harta Dapatan	20
2.2	Sistem Perwarisan Harta	20
2.3	Pengaruh Sosio-budaya terhadap susunan perwarisan Adat Perpatih	26

BAB 3

	Hukum Faraid	30
3.1.	Definisi Faraid	30
3.2.	Hukum Perwarisan Harta Di Dalam Al-Quran	31
3.3.	Rukun Pepusakaan, Sebab, Syarat dan Halangannya	33
3.4.	Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	38
3.4.1.	Waris Yang Menerima Pusaka	39
3.4.2.	Pembahagian Pusaka Mengikut Bahagian	39

3.5.	Pusaka Suami Isteri Secara Terperinci	42
3.5.1.	Syarat Pepusakaan Melalui Perkahwinan	42
3.6.	Kedudukan Waris-Waris 'Ashab al-Furud' Di Dalam 'Fard' Mereka dan Hak-Hak Lain	43
3.7.	'Asabah' Pengertian Dan Pembahagiannya	48
3.8.	Hijab, Pengertian Dan Bahagian-Bahagiannya	51
3.9.	Keadilan Pepusakaan Di Dalam Islam	53

BAB 4

	Persoalan Perhubungan Harta Dalam Adat Perpatih	55
4.1.	Konsep Harta	55
4.2.	Sistem Pembahagian Harta	57

BAB 5

	Pandangan Penulis Terhadap Sistem Pembahagian Harta Di Antara Adat Perpatih Dan Hukum Syarak	67
--	--	----

	BIBLIOGRAFI	72
--	-------------	----

PENGENALAN

1. Kepentingan Kajian

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan nilai kebudayaannya sendiri. Kebudayaan yang di dokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, sistem politik, sistem perekonomian, sistem organisasi dan sistem kepercayaan.

Sebahagian dari nilai ini dilihat melalui perbilangan Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan. Perbilangan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih mencerminkan hubungan rapat dalam kehidupan sehari-hari manusia. Melalui nilai ini diperlihatkan bagaimana perkembangan sesuatu masyarakat itu. Dari gambaran nilai ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut. Di samping itu, perbilangan Adat Perpatih juga mengandungi nilai estetika atau nilai keindahan yang harus diambil perhatian.

2. Tujuan Kajian

Banyak kajian dan penulisan telah dilakukan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan oleh para pensyarah dan mahasiswa/i dengan membawa tajuk-tajuk menarik. Antaranya ialah kajian dari sudut sosial dan ekonomi iaitu kajian yang menyentuh institusi perkahwinan, institusi kekeluargaan dan kajian dari segi tanah pusaka. Walaupun telah banyak kajian dibuat, namun masih terdapat aspek lain yang belum terbongkar untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas nilai etik yang terkandung dalam sistem Adat Perpatih. Penulis juga akan mengkaji nilai-nilai estetika atau keindahan yang terdapat dalam perbilangan tersebut.

3. **Skop Kajian**

Kawasan yang mengamalkan Adat Perpatih ini terhad iaitu kawasan Negeri Sembilan dan Alur Gajah, Melaka. Penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan Adat Perpatih merupakan skop kajian ini.

4. **Masalah Kajian**

Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri yang kurang faham beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat ini bukan terdapat secara terperinci. Mereka yang tahu selok belok Adat Perpatih ialah terdiri dari ketua-ketua Adat atau Pemimpin Masyarakat yang tinggal di merata bahagian perkampungan menimbulkan masalah kepada pengkaji.

5. **Kaedah Kajian**

Penulis akan membuat kajian luar dan juga menggunakan bahan rujukan yang di perpustakaan. Penulis juga menemubual Ketua Adat di Kampung Pulau Besar (Negeri Sembilan) iaitu Encik Manap Osman dan Ketua Adat di Felda Bukit Jalor iaitu Encik Mat Sar bin Shadi. Di samping itu penulis juga menemubual secara tidak langsung dengan beberapa orang yang mengetahui serba sedikit tentang perbilangan Adat Perpatih.

Penulis juga menggunakan kemudahan perpustakaan di mana terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pensyarah dan mahasiswa/i. Penulis juga melihat perbilangan yang telah dikumpulkan oleh beberapa orang penulis dan pengkaji dalam bentuk buku dan majalah.

BAB 3

HUKUM FARAID

3.1 Definisi Faraid

Faraid, menurut bahasa bererti sesuatu yang ditentukan. Menurut istilah syarak ialah bahagian yang ditentukan oleh syarak bagi segala waris daripada peninggalan mayat melainkan mereka yang menghabisi harta (sembah)²⁷.

Ada ulama' yang memberi definisi bahawa ilmu faraid ialah satu kaedah yang diambil dari ilmu Fekah dan ilmu hisab yang dapat diketahui darinya apa yang dikhaskan kepada tiap-tiap empunya hak dalam pusaka dan nasib tiap-tiap dari harta itu²⁸.

Termasuk di dalam ilmu faraid ini ialah mengkaji rukun-rukun pepusakaan, sebab-sebab, syarat-syarat, halangan-halangan dan hak-hak yang bersangkutan dengannya, tertib hak-hak itu dalam menunaikannya dan juga menentukan siapa yang menjadi waris atau tidak dan bahagian-bahagian masing-masing serta cara pembahagiannya.

Menuntut dan mempelajari ilmu faraid ada fardhu kifayah. Apabila ada seorang yang mengetahui sekira-kira boleh menghuraikan perkara-perkara yang dimuaklilkan di dalam bahagian faraid, gugurlah dosa yang lain. Sebaliknya jikalau ditinggalkan oleh ahli negeri itu daripada mempelajarinya nescaya berdosa di atas sekalian masyarakat itu

²⁷ Al-Haji Othman bin Al-Haji Mohd Said, Kitab Pendahuluan Faraid (Penggal I), Al-Ahmadiyah Press, Singapore 4. 16/67. 1968, hal. 36.

²⁸ Umar Abdullah, Abkam al Mawaris ii al Syariah al-Islamiah, cetakan ke 4, 1966, hal, 12.

3.2 Hukum perwarisan harta di dalam al-Quran:

I Ilmu faraid ini diperkenalkan oleh Allah (SAW). Tempat ambilan dan sandarannya ialah ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi dan 'ijma' ulama' atau dari persetujuan ulama' yang mengatakan thabiatnya hukum pembahagian pusaka ini dengan tiada bersalahan.

II Al Quran menerangkan dengan terperinci sekali tentang soal-soal pembahagian pusaka dari segi hukumnya di dalam beberapa surah yang akan diturunkan pengertiannya seperti di bawah:

1. Perwarisan anak-anak dan dua ibu bapa :

Allah berfirman yang bererti:

“ Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan dua bahagian anak perempuan. Jika anak itu semua perempuan lebih dari dua maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika anak perempuan itu seorang sahaja maka ia memperoleh separuh harta”.

Perwarisan harta pusaka bagi dua ibu bapa pula Allah telah berfirman di dalam al Quran yang bererti :

“Dan adalah bagi dua ibu bapa itu tiap-tiap seorang daripada mereka seperenam dari apa yang ditinggalkan oleh si mati jika ada baginya anak, sedangkan yang jadi warisnya itu (hanya) dua ibubapanya, maka buat ibunya sepertiga, lantas jika ada baginya saudara-saudara, maka buat ibunya seperenam, sesudah wasiat yang ia wasiatkan, dan (sesudah) hutang”.

2. Perwarisan suami isteri:

Mengenai perwarisan suami isteri ini Allah telah berfirman yang bererti:

“Dan bagimu (suami isteri) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri mu jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isteri mu itu mempunyai anak maka kamu dapat seperempat dari harta yang ditinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri-isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutang mu”.²⁹

Di dalam surah al Nisa’ terdapat sepotong ayat yang menghuraikan tentang cara perwarisan harta bagi saudara seibu yang membawa erti :

“Jika seseorang mati baik lelaki mahu pun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (seibu sahaja) atau seorang saudara perempuan (seibu sahaja) maka masing-masing dari jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu lebih dari seorang maka mereka bersekutu pada sepertiga bahagian sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau (dan) sesudah dibayar hutangnya”.³⁰

²⁹ Al Quran, Surah Al-Nisa’ ayat 11.

³⁰ Perwarisan saudara seibu:

4. Perwarisan saudara-saudara perempuan:

Firman Allah yang bererti :

“Mereka meminta fatwa kepada mu, katakanlah: Allah memberi fatwa kepada mu tentang ke lalat, iaitu jika seseorang meninggal dunia ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkannya dan saudaranya yang lelaki mempesakai (seluruh harta saudara perempuan) jika ia tidak mempunyai anak, tetapi jika saudara perempuan itu dua orang maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal. Dan jika mereka (ahli-ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara lelaki dan perempuan maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak dua bahagian dua orang saudara perempuan”.³⁰

3.3 Rukun pepusakaan, sebab, syarat dan halangannya:

Harta peninggalan atau bakinya setelah ditunaikan hak-hak yang bersangkutan dengannya, menjadi hak kepada waris-waris dengan jalan perpustakaan. Perpustakaan mempunyai rukun-rukun, sebab-sebab, syarat-syarat dan halangan-halangan bagi membolehkan para waris menerima pusaka. Apa yang dikatakan rukun perpustakaan itu ialah:

- a. Harta orang yang meninggal itu berhak dipusakai.
- b. Orang yang menerima pusaka itu ada hubungan darah samada kerana hubungan kerabat atau perkahwinan.
- c. Harta yang menjadi pusaka (harta yang dipusakai dari orang yang meninggal).

³⁰ Al Quran, Surah Al-Nisa' ayat 11

Sebab-sebab pepusakaan:

Ada tiga sebab yang disepakati oleh ulama' faraid bagi membolehkan seseorang itu menerima pusaka iaitu :

1. Sebab perkahwinan iaitu di antara suami isteri akan menerima pusaka jika salah seorang dari mereka meninggal dunia.
2. Kerabat iaitu hubungan darah yang mengikat para waris dengan orang yang meninggal dunia dan meninggalkan harta (hubungan darah di antara para waris dan mewarisi).

Syarat-syarat menerima pusaka:

Terdapat beberapa syarat yang dikenakan bagi pihak mewarisi, waris dan harta peninggalan itu sendiri untuk diberikan kepada yang berhak menerima pusaka. Syarat yang dikenakan kepada mewarisi ialah ia benar-benar telah meninggal dunia sama ada meninggal secara hakikat atau keputusan hakim. Kematian secara hakikat ialah kematian mewarisi sama ada dengan penyaksian semasa ia meninggal atau pun dengan terdapatnya bukti-bukti yang menyatakan demikian. Sementara kematian secara keputusan hakim pula ialah apabila seseorang itu menghilang dan terputus langsung khabar berita mengenainya tanpa diketahui hidup atau matinya, hakim akan membuat keputusan mengikut pandangan perundangan Islam.

Manakala syarat yang dikenakan kepada waris supaya ia berhak menerima pusaka ialah ia masih dalam keadaan hidup. Pada waktu itulah harta pindah kepada waris dengan jalan pusaka. Hidupnya waris secara hakikat thabit dengan penyaksian atau pembuktian yang diterima oleh syarak. Hidup secara takdir pula ialah seperti anak dalam kandungan semasa bapanya meninggal dunia dan dikira walaupun ia masih merupakan segumpal darah, ia akan mendapat haknya apabila dilahirkan ke dunia dalam keadaan hidup.

Syarat terakhir di dalam membolehkan seseorang itu menerima pusaka ialah tidak adanya larangan pepusakaan. Bererti tidak ujud perkara-perkara yang melarang seseorang itu dari mendapatkan pusaka. Halangan-halangan yang dimaksudkan di sini lebih merupakan halangan-halangan dalam pembahagian pusaka.

Penghalang-penghalang pusaka:

Penghalang pusaka dalam istilah ulamak faraid ialah suatu sifat yang menyebabkan orang yang bersifat dengan sifat itu tidak dapat menerima pusaka pada hal cukup sebab-sebabnya dan cukup pula syarat-syaratnya¹.

Sebab-sebab yang menghalang seseorang itu dari menerima pusaka dapat digariskan seperti di bawah:

1. Kehambaan

Seseorang hamba dihalang daripada mempusakai dan juga menerima pusaka dari hak-hak pepusakaan yang ujud. Ini kerana hamba bukanlah dari ahli yang boleh memiliki harta. Oleh itu hamba tidak akan mendapat warisan dan ia tidak akan meninggalkan warisan kerana ia tidak memiliki sesuatu, malah ia sendiri dimiliki oleh tuannya.

2. Pembunuhan

Apabila seseorang waris itu membunuh warisnya ia adalah terhalang dari mendapatkan pusaka. Mengikut mazhab Maliki, pembunuhan yang menghalang dari mendapatkan pusaka ialah pembunuhan yang sengaja digerakkan oleh rasa permusuhan di mana ia diwajibkan membalas pembunuhan itu, sama ada pembunuhan itu secara langsung atau tidak langsung.

Walaupun Islam menetapkan bahawa pembunuhan menghalang pepusakaan namun demikian para fuqahak berselisih pendapat tentang bentuk yang bagaimanakah menyebabkan penghalang itu. Di sini akan diterangkan secara ringkas perselisihan tersebut.

- a. Bagi golongan Hanafi, pembunuhan terbahagi kepada dua:-
 - i) Pembunuhan secara langsung (mubasyarah).
 - ii) Pembunuhan secara tidak langsung (tashabbuh).

Pembunuhan secara langsung terbahagi pula kepada empat:

- i) Pembunuhan dengan sengaja
- ii) Pembunuhan yang serupa dengan sengaja
- iii) Pembunuhan yang tidak sengaja
- iv) Pembunuhan yang dipandang tidak sengaja.

Kesemua pembunuhan ini mengikut mazhab Hanafi adalah menghalang pusaka, di mana pembunuhan yang sengaja diwajibkan qisas, manakala yang diwajibkan kafarah dan diah iaitu pembunuhan yang serupa sengaja atau yang tidak sengaja atau yang dipandang tidak sengaja. Sementara itu si pembunuh itu ialah orang yang berakal dan baligh.

Pembunuhan secara tidak langsung (tashabbuh) ialah perbuatan yang dilakukan oleh pembunuh bukan tindakan secara langsung tetapi ia membuat sebab yang mengakibatkan seseorang itu meninggal. Pembunuhan secara tidak langsung itu pada mazhab Hanafi tidaklah menghalang daripada menerima pusaka.

- b. Menurut mazhab Shafi'I, pembunuhan yang menghalang pepusakaan ialah semata-mata melakukan pembunuhan samada sengaja atau tidak, secara langsung atau tidak langsung dan ia dibenarkan atau tidak. Halangan ini tanpa mengira pembunuh itu sudah baligh dan berakal

atau tidak, ia tetap tidak dapat mempusakai sebarang harta peninggalan.

- c. Mazhab Hambali pula mengatakan bahawa setiap pembunuhan yang wajib dibalas pembunuhan itu (qisas) seperti bunuh sengaja atau yang wajib dibayar diah seperti pembunuhan tersalah atau menyerupai bunuh sengaja atau yang diwajibkan kafarah seperti membunuh saudaranya yang muslim yang berada di dalam barisan orang-orang kafir tanpa diketahui bahawa dia itu muslim adalah memberi kesan.

Pembunuhan-pembunuhan di atas ini diharamkan dan dihalang dari mendapat pusaka. Manakala pembunuhan yang tidak mendatangkan apa-apa akibat seperti pembunuhan yang dibenarkan maka ia tidak menghalang dari mendapat pusaka.

- d. Menurut mazhab Maliki, pembunuhan terbahagi kepada dua:

- i) Pembunuhan yang sengaja
- ii) Pembunuhan yang tidak sengaja atau tersalah.

Jika si pembunuh bermaksud hendak membunuh maka dinamakan pembunuhan yang sengaja tetapi kalau ia tidak bermaksud untuk membunuh maka dipandang sebagai pembunuhan yang tidak sengaja atau tersalah. Pembunuhan yang tidak sengaja atau tersalah menurut mazhab ini tidak menghalang dari mendapat pusaka. Namun demikian diwajibkan diah.

3. Berlainan agama:

Bermaksud bahawa ugama si waris itu berlainan dari ugama mewarisi. Dengan itu tidak ada pusaka mempusakai di antara muslim dan bukan muslim walaupun di antara suami isteri, ayah atau anak, apabila mati salah seorang mereka.

Terdapat beberapa masalah yang timbul di dalam masalah pembahagian harta di antara orang yang berlainan agama. Perbezaan agama yang menghalang pepusakaan seperti seorang suami yang mati di mana ia mempunyai isteri 'kitabiyah'. Jika setelah suaminya meninggal si isteri memeluk agama Islam, ini tidak membolehkan si isteri mendapat pusaka dari suaminya. Begitulah pendapat Jumhur.

Mazhab Hambali dan Syiah Islamiyyah berpendapat bahawa perbezaan agama yang menghalang pepusakaan ialah semasa pembahagian harta peninggalan hendak dijalankan. Jika seorang muslim yang meninggal itu mempunyai isteri 'kitabiyah', lalu isteri itu memeluk agama Islam sebelum pembahagian pusaka dijalankan maka ia berhak mendapatkan pusaka. Tetapi andainya isteri itu memeluk Islam selepas pembahagian pusaka maka si isteri tidak akan menerima apa-apa bahagian daripada si mati.

4. Berlainan Tempat / Negeri

Bermaksud negeri tempat tinggal waris berbeza dengan mewarisi dari segi pemerintahan yang diikuti oleh kedua-duanya. Keadaan ini tidak merupakan halangan pepusakaan di antara kaum muslimin disebabkan oleh kesatuan yang dibawa oleh Islam dalam semua bidang tanpa mengira bangsa dan sempadan negara.

3.4 Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak

Harta peninggalan, sesudah diselesaikan beberapa perkara yang wajib didahulukan, akan dibahagi-bahagi kepada waris yang ada pada waktu meninggalnya mewarisi, menurut ketentuan yang ditetapkan oleh syarak.

Apabila orang yang meninggal itu hanya meninggalkan seorang waris, harta peninggalannya tidak perlu dibahagikan kerana waris yang seorang itu mengambil semua harta peninggalan atau mengambil baki sesudah diambil keperluan menyelenggarakan mayat, membayar hutang dan melaksanakan wasiat dalam batas yang dibenarkan.

Tetapi apabila ahli waris lebih dari seorang, harta itu perlu dibahagikan di antara para waris menurut kadar bahagian masing-masing yang telah ditetapkan oleh syarak. Bahagian-bahagian itu berbeza-beza mengikut darjat dan ada yang perlu didahulukan dan ada yang perlu dikemudiankan mengikut tertib darjatnya³¹.

3.4.1 Waris yang menerima pusaka :

Perpustakaan dengan 'fard' adalah cara pertama pembahagian pusaka. Menurut ulamak, ilmu pusaka 'fard' diistilahkan sebagai saham (bahagian) tertentu banyaknya untuk waris pada harta pusaka samada dengan nas (al Quran dan Hadis) atau pun Ijma' 'Furudh' (perkataan majmuk dari fard) atau bahagian yang tertentu didapati di dalam al Quran ada enam ketentuan iaitu: satu perdua (niaf), satu perempat (rub), satu per delapan (thanun), dua pertiga (thuluthn), satu pertiga (thuluth) dan satu per enam (sudur). Di antara mereka yang dua belas orang ini, suami dan isteri menerima pusaka disebabkan perkahwinan, sementara yang selain dari itu menerima pusaka dengan sebab kekerabatan dan hubungan darah.

3.4.2 Pembahagian Pusaka Mengikut Bahagian:

a. Bahagian satu perdua:

Jumlah satu perdua dari harta peninggalan diterima oleh lima orang iaitu empat orang wanita dan seorang lelaki, iaitu:

1. Suami, apabila isteri mati tidak meninggalkan 'far'u l-waris' sama ada dengan suami itu atau dari suami lain

³¹ Fiqhul Mewaris, hal. 66

2. Seorang anak perempuan sekiranya tidak ditaksibkan.
3. Seorang anak perempuan dari anak lelaki sekiranya tidak ada anak perempuan, anak lelaki dan tidak ditaksibkan.
4. Seorang saudara perempuan seibu sebapa, sekiranya tidak ditaksibkan serta tidak pula bersamanya anak perempuan, anak perempuan dari anak lelaki, bapa dan anak lelaki atau cucu lelaki dari anak lelaki hingga ke bawah.
5. Seorang saudara perempuan sebapa, syaratnya seperti apa yang disyaratkan pada saudara perempuan seibu sebapa di atas serta tidak pula bersamanya saudara perempuan dan lelaki seibu sebapa.

b. Bahagian satu perempat:

Yang berhak menerima seperempat ialah dua orang waris iaitu suami dan isteri.

1. Suami, berhak mendapat satu perempat jika isteri yang meninggal, meninggalkan anak dari suami itu sendiri atau suami lain
2. Isteri pula mendapat satu perempat apabila tidak ada anak dari suami yang meninggal dunia baik anaknya sendiri atau anak dari isteri lain (seorang atau lebih isteri).

c. Bahagian satu perlapan dari harta:

Hanya seorang sahaja berhak mendapat satu perlapan iaitu isteri apabila suami mati, meninggalkan anak baik dari isteri itu sendiri atau dari isteri lain.

d. Bahagian dua pertiga:

Yang berhak mendapat dua pertiga ialah perempuan-perempuan berbilang
iaitu empat orang iaitu :

1. Anak-anak perempuan
2. Anak-anak perempuan dari anak atau anak-anak lelaki
3. Saudara-saudara perempuan seibu sebapa
4. Saudara-saudara perempuan sebapa.

e. Bahagian satu pertiga:

Bahagian ini diuntukkan kepada dua orang waris iaitu:

1. Ibu dengan syarat orang yang meninggal itu tidak meninggalkan anak dan tidak pula meninggalkan beberapa saudara, baik seibu sebapa, atau sebapa atau seibu.
2. Dua orang atau lebih saudara seibu, baik lelaki mahupun perempuan, atau lelaki sahaja atau perempuan sahaja apabila si mati tidak meninggalkan 'far'u l-waris', bapa dan datuk.

f. Bahagian satu perenam:

Diterima oleh 7 orang waris iaitu:

1. Bapa, ketika yang meninggal itu mempunyai anak 'far'u l-waris.
2. Datuk sejati, di waktu meninggal itu meninggalkan anak tanpa meninggalkan bapa.
3. Ibu, bila yang meninggal itu anak atau dua orang atau lebih saudara-saudara lelaki atau saudara-saudara lelaki atau perempuan seibu sebapa, sebapa, sebapa atau seibu.

4. Nenek sejati, seorang atau lebih ketika tidak ada ibu.
5. Seorang atau lebih anak perempuan dari anak lelaki apabila bersama dengan seorang dari anak-anak perempuan bagi si mati.
6. Seorang atau lebih saudara perempuan sebapa apabila bersama saudara perempuan seibu sebapa.
7. Seorang saudara seibu lelaki atau perempuan.

3.5 Pusaka suami isteri secara terperinci:

Suami atau isteri menerima pusaka disebabkan perkahwinan. Oleh itu mereka dinamakan 'sawi 'l-furud as-sabahiah'', manakala selain daripada mereka dinamakan 'sawi 'l-furud al-sabahiah''. Namun begitu, salah seorang dari mereka boleh mendapat dua bahagian pusaka yang berbeza. Pertama, mendapat melalui jalan perkahwinan dan kedua melalui hubungan kerabat seperti si mati (isteri) meninggalkan suami dari anak bapa saudaranya seibu sebapa. Sekiranya isteri lebih dari seorang ketika suami mati maka mereka akan mendapat bahagian yang sama rata dari ketentuan yang telah ditetapkan.

3.5.1 Syarat Pepusakaan melalui perkahwinan:

Salah seorang suami isteri mendapat pusaka antara satu sama lain apabila memenuhi dua syarat seperti di bawah:

1. Akad perkahwinan antara mereka yang sah menurut syarak sama ada isteri telah dihantar ke tempat suami atau belum juga sama ada telah berlaku persetubuhan, khalwat atau belum berlaku kedua-duanya.
2. Perkahwinan yang sah itu terus berkekalan antara keduanya sama ada secara hakikat atau secara hukum sehingga belum berlaku perceraian.

3.6 Kedudukan waris-warisi 'Ashab al-furud' di dalam 'fard' mereka dan hak-hak lain:

Daripada dua belas orang waris 'ashab al-furud' yang terdiri dari lelaki dan perempuan itu ada sebahagiannya mendapat hanya dengan jalan 'fard' dan 'ta'shib' sekali kadangkala salah satu dari keduanya dan ada pula yang mendapat dengan jalan 'fard' sahaja atau 'ta'shib' sahaja dan tidak mungkin dihindungkan kedua-dua sekali.

'Ashab al-furud' yang hanya mendapat dengan jalan 'fard' sahaja terdiri dari dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Mereka ialah suami, saudara lelaki seibu, ibu dan nenek. Di bawah ini akan diterangkan kedudukan tiap-tiap seorang dari mereka.

- a. Suami, baginya dua keadaan:
 - i. Mewarisi satu perdua, sekiranya isteri mati tanpa meninggalkan anak, samada dari suami tersebut atau dari suami lain.
 - ii. Mewarisi satu perempat sekiranya isteri mati meninggalkan 'far'u l-warisi', samada dari suami tersebut atau dari suami yang lain.
- b. Saudara lelaki seibu; dan saudara perempuan seibu: bagi kedua-duanya ada tiga keadaan:
 - i. Mendapat satu perenam jika seorang.
 - ii. Mendapat satu pertiga sekiranya lebih dari seorang dan pembahagian pusaka di antara mereka adalah sama rata di antara lelaki dengan perempuan.
 - iii. Terhindar dari menerima pusaka – sama ada lelaki atau perempuan dengan 'far'u l-warisi' (anak atau cucu lelaki atau perempuan yang mendapat pusaka), iaitu anak lelaki, anak lelaki dari anak lelaki walaupun rendah darjatnya serta anak perempuan dan anak perempuan dari anak lelaki walaupun rendah darjatnya atau dengan asal lelaki

yang mendapat pusaka dari si mati, iaitu bapa dan datuk sebenar (tidak gugur) walau setinggi-tingginya.

c. Isteri, bagi dua keadaan:

- i. Mendapat satu perempat apabila si mati (suami) tidak meninggalkan 'far'u l-waris'.
- ii. Mendapat satu perlapan apabila si mati (suami) meninggalkan 'far'u l-waris'.

d. Ibu, baginya tiga keadaan:

- i. Mendapat satu perenam sekiranya ada bersamanya 'far'u l-waris' sama ada lelaki atau perempuan atau dua orang atau lebih saudara-saudara lelaki dan perempuan sama ada dari saudara seibu sebapa atau sebapa atau pun seibu walau pun mereka tidak mendapat pusaka kerana terdinding.
- ii. Mendapat satu pertiga dari harta peninggalan sekiranya si mati tidak meninggalkan 'far'u l-waris', saudara-saudara, bapa dan salah seorang dari suami isteri.
- iii. Mendapat satu pertiga dari baki harta sesudah salah seorang dari suami isteri mengambil 'fardnya'. Keadaan ini berlaku apabila pusaka itu terbatas kepada dua ibu bapa dan salah seorang suami isteri.

e. Nenek sebenar, baginya dua keadaan:

- i. Satu perenam, sama ada sebelah ibu atau sebelah bapa atau keduanya sekali.
- ii. Terdinding dengan ibu sama ada dari jihat ibu atau bapa, tambah lagi nenek sebelah bapa terdinding dengan bapa, tetapi nenek sebelah ibu tidak terdinding dengan bapa.

“Ashab al-furud” yang kadangkala mendapat ‘fard’ sahaja atau ta’sib sahaja dan kadang-kadang mendapat kedua-duanya sekali. Mereka hanya dua orang lelaki sahaja iaitu bapa dan datuk.

Bapa, baginya tiga keadaan:

- i. Mendapat satu perenam dengan jalan ‘fard’ sahaja ketika si mati (anaknya) meninggalkan anak lelaki atau anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya seorang atau lebih.
- ii. Mendapat pusaka dengan jalan ta’shib sahaja ketika si mati tidak meninggalkan seorang anak pun lelaki atau perempuan atau anak lelaki dari anak lelaki (cucu) atau anak perempuan dari anak lelaki.
- iii. Mendapat pusaka secara ‘fard’ dan ta’shib sekali ketika si mati meninggalkan anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki, mereka ini seorang atau lebih walau betapa rendah darjat bapanya. Dalam keadaan ini mulanya bapa mendapat satu perenam iaitu bahagian ‘fardnya’ kemudian mengambil baki harta dengan ‘asabah’.

Orang yang kedua mendapat ‘fard’ sahaja atau ta’shib sahaja atau. Kedua-duanya sekali ialah datuk (bapa kepada bapa). Terdapat dua jenis datuk. Pertama, datuk sebenar iaitu yang bukan diselangi oleh perempuan kepada si mati. Kedua, ialah datuk tidak benar iaitu di antaranya dengan si mati ialah orang perempuan. Bagi datuk, ada empat keadaan iaitu:

- i. Mendapat satu peranan sahaja dengan jalan ‘fard’ ketika si mati (cucu) meninggalkan anak lelaki atau anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya.
- ii. Mendapat ‘asabah’ sahaja ketika si mati tidak meninggalkan anak lelaki atau anak perempuan atau cucu lelaki atau cucu perempuan dari anak lelaki.

- iii. Mendapat dengan jalan 'fard' dan 'asabah' sekali apabila bersama-sama datuk itu anak perempuan si mati atau cucu perempuan dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya. Diberikan 'fard' datuk satu perenam dan 'fard' untuk waris lain, ada baki harta pusaka itu lagi, maka datuk akan mengambilnya dengan jalan 'asabah'.
- iv. Terdinding dengan bapa.

Kedudukan yang terakhir bagi 'ashab al-furud' ialah kadang-kadang mendapat 'fard' sahaja dan kadang-kadang pula mendapat dengan jalan 'ta'shib' sahaja tetapi tidak mungkin mengumpulkan kedua-duanya sekali. Mereka ialah empat orang ahli waris perempuan. Terdiri daripada anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa. Di bawah ini diterangkan kedudukan mereka satu persatu di dalam pembahagian harta pusaka.

- 1. Anak perempuan, baginya tiga keadaan:
 - i. Mendapat satu perdua sekiranya ia seorang.
 - ii. Mendapat dua pertiga sekiranya lebih dari seorang.
 - iii. Mendapat dengan jalan 'asabah iaitu dita'shibkan oleh saudaranya (anak lelaki yang sama kedudukan, harta yang baki setelah 'ashab al-furud' mengambil bahagian masing-masing adalah untuk mereka dengan lelaki mendapat dua bahagian perempuan).
- 2. Anak perempuan dari anak lelaki (cucu), baginya enam keadaan:
 - i. Mendapat satu perdua sekiranya ia seorang.
 - ii. Mendapat dua pertiga sekiranya lebih dari seorang.
 - iii. Mendapat 'asabah' dengan sebab orang lain sama ada ia seorang atau lebih. Waris-waris yang menta'shibkannya ialah cucu lelaki dari anak lelaki yang sedarjat dengannya sama ada saudara kandungnya sendiri atau anak-anak lelaki bapa saudaranya

seorang atau lebih di mana lelaki mendapat dua bahagian perempuan.

- iv. Mendapat dua perenam sama ada seorang atau lebih jika ia bersama dengan seorang anak perempuan untuk menyempurnakan dua pertiga 'fard' anak-anak perempuan yang setinggi-tingginya melainkan jika ada cucu lelaki sederajat dengannya, ketika itu ia mengambil ta'sib bi 'l-ghayri atau asabah dengan orang lain.
 - v. Ia dihalang dari mendapat pusaka oleh dua orang anak perempuan melainkan ada bersama-samanya cucu lelaki yang sepangkat dengannya atau ke bawah daripadanya ketika itu cucu perempuan tersebut terhak ta'sib dengan sebab orang lain.
 - vi. Ia terdinding dengan anak lelaki.
3. Saudara perempuan seibu sebapa, baginya lima keadaan:
- i. Mendapat satu perdua sekiranya ia seorang.
 - ii. Mendapat dua pertiga sekiranya lebih dari seorang.
 - iii. Mendapat 'asabah dengan sebab orang lain iaitu bersama saudara lelaki seibu sebapa.
 - iv. Mendapat 'asabah bersama yang lain iaitu bersama anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki iaitu mendapat satu perdua, ketika bersama seorang dari mereka dan mendapat satu pertiga ketika bersama dua atau lebih dari mereka.
 - v. Ia terdinding dari mendapat pusaka apabila bersama-sama anak lelaki atau anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya atau bapa.

4. Saudara perempuan sebapa, baginya tujuh keadaan:

- i. Mendapat satu perdua sekiranya ia seorang.
- ii. Mendapat dua pertiga apabila lebih dari seorang.

- iii. Mendapat 'asabah dengan sebab orang lain iaitu bersama saudara lelaki seibu sebapa.
- iv. Mendapat 'asabah bersama yang lain iaitu apabila terdapat anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki iaitu mendapat baki satu perdua ketika bersama seorang dari mereka dan mendapat satu pertiga ketika bersama dua orang atau lebih dari mereka.
- v. Mendapat satu perenam sama ada seorang atau lebih apabila bersamanya seorang saudara perempuan seibu sebapa yang mengambil 'fardnya' satu perdua kerana hendak mencukupkan dua pertiga dan tidak ada pula bersamanya saudara lelaki sebapa yang menta'sibkannya.
- vi. Ia terdinding dari mendapat pusaka apabila bersamanya anak lelaki, anak lelaki dari anak lelaki hingga serendah-rendahnya atau bapa atau bapa saudaranya lelaki seibu sebapa atau saudara perempuan seibu sebapa yang menjadi 'asabah bersama yang lain.
- vii. Ia terdinding dengan dua orang atau lebih saudara perempuan seibu sebapa kecuali jika ada bersamanya saudara lelaki sebapa ketika itu dia terhak ta'sib dengan sebab orang lain.

3.7 'Asabah, pengertian dan pembahagiannya:

Ahli waris yang menerima harta pusaka terdiri dari 'ashab al-furud iaitu waris yang menerima bahagian tertentu seperti yang telah diterangkan di bahagian 3.4.1. Ada pula ahli waris yang menerima 'asabah iaitu bahagian yang tidak tertentu iaitu jika harta sudah dihabisi oleh ahli waris yang mendapat furud.

Ahli waris yang mendapat 'asabah ini mungkin mendapat semua harta jika tiada sahib'u l-fard. Kalau 'asabah itu seorang maka semua pusaka akan teruntuk kepadanya sahaja. Jikalau 'asabah itu terdiri dari beberapa orang, harta yang ada itu akan dibahagikan sama rata, perempuan menerima separuh dari bahagian lelaki. Jikalau ahli

waris itu terdiri dari sahib'u l-fard dan 'asabah, terlebih dahulu keutamaan akan diberikan kepada ahli fard untuk mengambilnya. Setelah itu sisanya diserahkan kepada 'asabah. Jika tidak ada sisa, segala pusaka telah habis diterima oleh sahib'u l-fard, tiadalah bahagian untuk 'asabah.

'Asabah itu terdiri dari tiga macam iaitu:

1. 'Asabah bi n-nafsi
2. 'Asabah bi l-ghayri
3. 'Asabah ma'a 'l-gayri

1. **'Asabah bi n-nafsi**

'Asabah bi n-nafsi bermaksud waris lelaki yang mempunyai talian langsung dengan si mati, dengan dirinya sendiri seperti anak lelaki dan bapa atau perantaraan warisnya yang lelaki seperti anak lelaki dari anak lelaki dengan perantaraannya anak lelaki dan nenek lelaki, saudara lelaki yang kandung dan yang sebapa dengan perantaraan bapa.

Perhubungan waris-waris dengan si mati melalui perempuan sahaja tidak dinamakan 'asabah.

Susunan ahli 'asabah itu adalah seperti berikut:

1. Anak lelaki
2. Anak lelaki dari anak lelaki
3. Bapa
4. Bapa dari bapa
5. Saudara lelaki seibu sebapa
6. Saudara lelaki sabapa
7. Anak lelaki dari saudara seibu sebapa
8. Anak lelaki dari saudara sebapa
9. Bapa saudara seibu sebapa

10. Bapa saudara sebapa
11. Anak bapa saudara seibu sebapa
12. Anak bapa saudara sebapa
13. Penghulu (tuan) yang memerdekakannya

2. ‘Asabah bi l-ghayri

Iaitu penerimaan harta warisan ‘asabah melalui orang lain. Iaitu perempuan yang menjadi ‘asabah disebabkan lelaki dan berkongsi dengan lelaki itu dalam mendapatkan ‘asabahnya. Mereka ini terdiri dari empat orang iaitu anak perempuan dengan sebab ada anak lelaki, anak perempuan dari anak lelaki dengan sebab ada anak lelaki dari anak lelaki, saudara perempuan seibu sebapa dengan sebab ada saudara lelaki seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa dengan sebab ada saudara lelaki sebapa. Dalam ‘asabah ini lelaki mendapat dua bahagian perempuan.

3. ‘Asabah ma’a ‘l-gayri

Ulama faraid memberikan takrifannya sebagai ‘asabah berserta orang lain. Mereka inilah saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa sama ada seorang atau pun lebih. Kedua-dua waris perempuan ini menjadi ‘asabah bersama anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki walau betapa rendah sekali pun dengan syarat tidak ada bersama saudara perempuan itu ‘asabah bi n-nafsi yang menta’sibkan mereka iaitu saudaranya yang lelaki apabila kedudukannya berubah menjadi ‘asabah dengan sebab orang lain.

Ringkasnya ‘asabah bersama orang lain ialah saudara-saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa bersama anak perempuan atau anak perempuan dari anak lelaki dalam mewarisi baki harta di mana waris-waris ini asalnya ialah ‘asabah ma’a ‘l-gayri.

3.8 Hijab, pengertian dan bahagian-bahagiannya:

Hijab ialah terdinding waris dari mendapat pusaka sama sekali atau dari bahagiannya yang terbanyak sebab adanya waris yang terdekat seperti terdinding datuk, disebabkan ada bapa dan terdinding ibu dari mendapat satu pertiga disebabkan ada anak dan berubah bahagiannya menjadi enam. Hijab atau halangan itu mengikut istilah ulamak faraid terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. Halangan mengurangkan hak
2. Halangan menghilangkan hak

1. Halangan mengurangkan hak

Halangan ini berlaku ke atas waris-waris yang mempunyai dua 'fard' iaitu mengurangkan ketentuannya dari yang tertinggi kepada yang terendah. Ini disebabkan adanya waris yang lebih utama dari yang dikurangkan haknya itu. Pengurangan hak itu boleh berlaku dalam berbagai cara misalnya:

- a. Mengurangkan hak secara memindahkannya dari bahagian yang banyak kepada bahagian yang kurang. Misalnya anak mendinding suami. Oleh itu hak suami yang satu perdua akan berpindah kepada bahagiannya yang rendah iaitu satu perempat.
- b. Mengurangkan hak secara memindahkannya dari bahagian tertentu (fard) kepada bahagian yang tidak tentu (ta'sib) yang kurang dari fard. Misalnya anak lelaki yang mendinding anak perempuan maka hak anak perempuan berpindah dari satu perdua kepada separuh bahagian anak lelaki.
- c. Memindahkan hak dari bahagian yang tidak tertentu kepada bahagian yang tertentu. Misalnya bapa didinding oleh anak lelaki. Haknya dari ta'sib berpindah kepada fardnya satu perenam.

- d. Mendinding hak kepada kekurangan bahagian ('sul). Misalnya si mati meninggalkan suami, ibu dan saudara perempuan. Mulanya suami mendapat satu perdua dengan diperkecilkan bahagiannya, begitu juga 'sahab al-furud yang lain. Oleh kerana asal masalahnya enam tidak dapat dibahagikan lalu diperkecilkan bahagian dengan membanyakkan kelompok ('anl) menjadikan asal masalahnya yang baru ialah lapan maka suami mendapat tiga bahagian, saudara perempuan mendapat tiga bahagian dan ibu mendapat dua bahagian.

2. Halangan menghilangkan hak:

Waris-waris yang tidak terdinding menurut hijab ini ialah enam orang iaitu anak lelaki, anak perempuan, bapa, ibu, suami dan isteri. Waris-waris yang dihalang ini terdiri daripada mereka yang mendapat 'asabah dan sahib 'u l-fard terdiri daripada:

1. Datuk di dinding oleh bapa dan datuk yang lebih dekat darjatnya dengan si mati.
2. Nenek yang di dinding oleh ibu sama ada nenek dari pihak ibu atau dari pihak bapa.
3. Anak perempuan dari anak lelaki di dinding oleh anak lelaki yang lebih tinggi darjatnya.
4. Saudara perempuan seibu sebapa di dinding oleh anak lelaki walau betapa rendah sekali pun darjatnya dan bapa, sama ada ia seorang atau lebih walau pun ada bersamanya saudaranya yang boleh menta'sibkannya.
5. Saudara perempuan sebapa di dinding oleh waris yang mendinding saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan seibu sebapa yang menjadi 'asabah bersama yang lain walau pun ada bersamanya saudara lelaki sebapa. Ia juga di dinding oleh dua orang

saudara perempuan seibu sebapa apabila tidak ada bersamanya saudara lelaki sebapa.

6. Saudara lelaki dan perempuan seibu di dinding oleh anak lelaki atau perempuan dan di dinding juga oleh bapa dan datuk.

3.9 Keadilan pepusakaan di dalam Islam:

Setelah meneliti huraian yang panjang lebar mengenai sistem pembahagian harta mengikut hukum syarak, didapati setiap individu mempunyai hak di dalam mendapatkan harta pusaka tersebut tetapi bergantung kepada kedekatan hubungan yang terjalin di antara individu itu dengan si mati. Apa yang lebih jelas lagi ialah walaupun setiap individu itu mempunyai hak dan kepentingannya tetapi kaum lelaki menerima bahagian yang terbesar dibandingkan dengan kaum wanita. Di dalam soal ini, prejudis yang mengatakan kaum lelaki mendapat bahagian yang lebih dan tidak adil, rasanya tidak patut dipersoalkan. Setiap ketentuan yang dibuat oleh Allah mempunyai kelebihannya. Dari itu, kita bersedia menerima hakikat kebenaran yang telah ujud, pembahagian harta pusaka kepada wanita itu separuh dari habuan orang lelaki, merupakan puncak keadilan di dalam Islam. Kenyataan ini dapat dibuktikan dari firman Allah yang bererti³²:

“Kaum lelaki it adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh itu Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah membelanjakan harta mereka”.

1. Al-Quran, surah al-Nisa', ayat 34.

Dari ayat tersebut dapat kita ambil pengertiannya bahawa kelebihan habuan lelaki di dalam harta peninggalan sebenarnya dapat dikaitkan dengan peranan dan tanggungjawabnya di dalam alam kehidupan. Seorang lelaki yang mengahwini seseorang wanita bertanggungjawab terhadap perbelanjaan dan nafkah hidup keluarga. Dari segi peranan yang dimainkan oleh kaum lelaki itu, maka seseorang wanita akan lebih terjamin hidupnya setelah berkahwin.

³² Al-Quran. Surah Al-Nisa, ayat 34

Kelebihan yang diberikan kepada kaum lelaki itu dapat juga kita analisa dari segi bakat semulajadi dan kebolehan di dalam urusan seperti pentadbiran dan kepimpinan. Lelaki bertanggungjawab untuk mencari nafkah, dia juga berhadapan dengan berbagai-bagai masalah dengan masyarakat sekitarnya yang sentiasa bergolak. Sedangkan tugas seorang wanita hanyalah di dalam rumah untk mengasuh anak-anak, menyediakan makanan dan mengemas rumah. Satu fenomena yang kelihatan pada wanita di zaman moden sekarang ialah mereka turut juga terlibat di dalam urusan-urusan mencari nafkah di samping suami mereka. Namun begitu peranan wanita seperti ini tidak dapat kita samakan dengan tugas dan bakat semulajadi kaum lelaki.

Walau setinggi mana pun pangkat seseorang wanita itu, masih tidak boleh kita samakan dengan keadaan semulajadi yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada kaum lelaki. Ini sesuai dengan firman Allah bererti :

“ Hak perempuan dan kewajipan suaminya seperti hak suami dan kewajipan isterinya, iaitu secara berpatutan, cuma lelaki itu mempunyai kelebihan satu darjat daripada perempuan³³”.

Dari ayat di atas kita mendapat pengajaran bahawa lelaki itu mempunyai satu darjat lebih dari wanita ialah hak pimpinan keluarga yang ada pada lelaki kerana kudrat fisik lelaki itu memang lebih kuat dari wanita. Oleh itu tidak mungkin wanita yang akan memimpin rumah tangga dan mungkin tidak dipimpin sesebuah rumah tangga tanpa bantuan dari kaum lelaki.

³³ Al-Quran, surah Al-Baqarah ayat:228

BIBLIOGRAFI

Senarai buku-buku rujukan :

1. A Dictionary of the Social Sciences, Tavistock Publications, Great Britain, 1964
2. Abdul Rahman bin Hj. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
3. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Perpatih di Malaysia, University Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
4. Al-Haji Othman bin Al-Haji Mohd Said, Kitab Pendahuluan Faraid, (Penggal I), Al-Ahmadiyah Press, Singapore 4, 16/67, 1968.
5. Azizi Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975.
6. Hasbi Ash Shiddieqy, Prof., Fiqhul Mawaris. Hukum-hukum Warisan Dalam Syari'at Islam, Bulan Bintang, Jakarta, 1973.
7. Hassan, A., Al-Furqan (Tafsir Quran), Penerbit PAP, Kelantan, 1974.
8. Hooker, Readings in Malay Adat Laws, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. _____, Adat Laws in Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
10. Koentjaraningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970.
11. Mawardy Muhammad, Ilmu Faraid, Penerbit Sa'adijah Putra, Padang Panjang, 1966.
12. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
13. Umar Abdullah, Ahkam al Mawaris fi al Syariah ak-islamiah, Cetakan ke 4, 1966.

Senarai Latihan Ilmiah:

14. Azizan Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A., University Malaya Kuala Lumpur, 1969.
15. Mat Zean Aziz, Tanah Pusaka Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, University Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.
16. Ujang bin Tahar, Adat Kekeluargaan Di Kalangan Masyarakat Melayu, Bentung, Pahang dan Pandangan Islam Terhadapnya, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975/76.

Kertas Seminar :

17. Abbas bin Haji Ali, Haji., Sebahagian Dari Dasar Hidup, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
18. Abdllah Siddik, Adat Modenisasi, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
19. Idris bin Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
20. Samad Idris, Datuk, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).